



JABATAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM NEGERI SABAH

جَبَاتُ هَالِ الْهَوَالِ الْاِيسْلَامِ نِيسَرِي سَابَاهِ

## KHUTBAH JUMAAT PERTAMA DAN KEDUA

06 ZULKAEDAH 1444H / 26 MEI 2023M

### WAKAF ITU SEDEKAH JARIYAH

Disediakan oleh

Bahagian Penyelidikan & Sebaran Am  
Jabatan Hal EHWAL Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS)  
Dengan Kerjasama  
Bahagian Wakaf dan Baitulmal  
Majlis Ugama Islam Sabah

#### Arahan kepada PTA/ PPMD/ AJK MASJID/ SURAU:

- Seksyen 97, Enakmen 3 Tahun 1995, Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah 1995, Bahagian IV - Kesalahan Khutbah menyatakan bahawa menjadi kesalahan bagi khatib yang membaca khutbah Jumaat yang bukan disediakan, disemak atau diluluskan oleh Majlis dan boleh, apabila disabitkan, dikenakan hukuman denda tidak melebihi dua ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya sekali.
- Khatib hendaklah menyemak terlebih dahulu khutbah ini sebelum disampaikan kepada para jemaah supaya sempurna rukun dan baris agar dapat disampaikan dengan fasih dan lancar.
- Khutbah ini hendaklah dibaca oleh Imam Qariah atau Imam Rawatib yang bertugas di masjid atau surau yang berkenaan kecuali ada kebenaran khas dari Jabatan Hal EHWAL Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS).
- Khutbah hendaklah disampaikan pada tarikh dan masa yang ditetapkan oleh JHEAINS.
- Khatib tidak dibenarkan meminda isi perkataan dalam khutbah ini kecuali untuk menyempurnakan rukun khutbah, kesilapan ejaan dan baris pada ayat-ayat al-Quran & Hadis yang terkandung di dalamnya.
- Khutbah hendaklah disampaikan dalam tempoh 10 - 15 minit sahaja.

KHUTBAH TELAH DISEMAK

TARIKH DISEMAK : 19/05/23

PEGAWAI PENYEMAK : .....

**ADAM BIN ABDUL HAI**

Unit Baitul Hikmah  
Bahagian Penyelidikan Dan Informasi  
Jabatan Hal EHWAL Agama Islam Negeri Sabah



Mohon semak QR code ini jika ada sebarang cadangan penambahbaikan. Sekian, terima kasih

KHUTBAH RASMI JHEAINS

DILULUSKAN PADA: 24/05/2023

DIBACA PADA: 26/05/2023

DILULUSKAN OLEH: **BAHARULIN HJ. ALWI**  
Ketua Penolong Pengarah  
Bahagian Penyelidikan & Informasi  
Jabatan Hal EHWAL Agama Islam Negeri Sabah

**KHUTBAH PERTAMA**  
**WAKAF ITU SEDEKAH JARIYAH**

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ :

... وَمَا تُنْفِقُوا مِنْ خَيْرٍ فَلِأَنْفُسِكُمْ وَمَا تُنْفِقُونَ إِلَّا ابْتِغَاءَ وَجْهِ اللَّهِ وَمَا تُنْفِقُوا

مِنْ خَيْرٍ يُؤَفِّ إِلَيْكُمْ وَأَنْتُمْ لَا تُظْلَمُونَ ﴿٢٧٢﴾ (سورة البقرة (2): 272)

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ، اللَّهُمَّ  
صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَي حَبِيبِنَا وَشَفِيعِنَا مُحَمَّدٍ، أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ، وَعَلَى آلِهِ  
وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ، وَالتَّابِعِينَ لَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ، تَزَوَّدُوا فَإِنَّ خَيْرَ الزَّادِ التَّقْوَى، فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

**HADIRIN SIDANG JUMAAT YANG DIRAHMATI ALLAH SWT SEKALIAN,**

Marilah kita sambut seruan Allah SWT untuk bertakwa kepada-Nya dengan menjalankan segala perintahnya dan menjauhi semua larangan-Nya. Selain itu, mari juga kita bergegas untuk menggapai ampunan Allah SWT dan menuju syurga-Nya yang disiapkan untuk orang-orang yang bertakwa. Khatib ingin menyampaikan khutbah yang bertajuk: **“WAKAF ITU SEDEKAH JARIYAH”**.



## MA'ASYIRAL MUSLIMIN ROHIMAKUMULLAH,

Infak dan sedekah merupakan ibadah yang bukan sahaja disukai Allah SWT serta tinggi nilai spiritualnya, akan tetapi besar nilai kemanusiannya. Ia boleh meringankan beban serta mensejahterakan manusia baik individu mahupun masyarakat keseluruhannya. Begitu tingginya dampak infak dan sedekah ini, sehingga digambarkan dalam ayat al-Quran tentang seseorang yang akan dicabut nyawanya, lalu berharap sekiranya ada penundaan sejenak sahaja, dia akan menggunakan kesempatan tersebut untuk bersedekah kerana menyedari bahawa sedekah itu adalah tahap kebajikan yang paling tinggi nilainya di sisi Allah SWT. Allah SWT berfirman dalam **surah al-Munafiqun ayat 10**:

وَأَنْفِقُوا مِنْ مَا رَزَقْنَاكُمْ مِنْ قَبْلِ أَنْ يَأْتِيَّ أَحَدَكُمْ الْمَوْتُ فَيَقُولَ رَبِّ لَوْلَا أَخَّرْتَنِي  
إِلَىٰ أَجَلٍ قَرِيبٍ فَأَصَّدَّقَ وَأَكُن مِّنَ الصَّالِحِينَ ﴿١٠﴾

**Maksudnya:** *"Dan belanjakanlah (dermakanlah) sebahagian dari rezeki yang Kami berikan kepada kamu sebelum seseorang dari kamu sampai ajal maut kepadanya, (kalau tidak) maka ia (pada saat itu) akan merayu dengan katanya: " Wahai Tuhanku! Alangkah baiknya kalau Engkau lambatkan kedatangan ajal matiku ke suatu masa yang sedikit sahaja lagi, supaya aku dapat bersedekah dan dapat pula aku menjadi dari orang-orang yang soleh".*

(QS al-Munafiqun (63):10)

## MUSLIMIN YANG DIRAHMATI ALLAH SWT,

Wakaf merupakan satu daripada amalan kebajikan yang termasuk di dalam kategori infak dan sedekah tersebut. Lebih hebat lagi ianya juga disebut sebagai Sedekah Jariyah, iaitu amalan yang dijanjikan Allah SWT dengan ganjaran yang berterusan. Orang yang berinjak ke jalan Allah SWT, akan mengalir pahalanya, meskipun setelah meninggal dunia selagi mana harta yang diwakafkan itu bermanfaat untuk orang ramai. Bertepatan dengan hadis yang diriwayatkan oleh Imam Muslim, menerusi Abu Hurairah RA, sabda Rasulullah SAW yang bermaksud: *“Apabila telah mati seorang manusia, maka terputuslah pahala amalannya kecuali tiga perkara; iaitu sedekah jariyah, ilmu yang bermanfaat dan anak soleh yang mendoakannya”*.

Imam Nawawi dalam kitab Syarah Muslim menjelaskan, sedekah jariyah yang dimaksudkan dalam hadis tersebut adalah wakaf. Manakala perintah pensyariatkan wakaf diturunkan pada tahun kedua hijrah menerusi firman Allah SWT pada surah **ali-Imran ayat 92**:

لَنْ تَنَالُوا الْبِرَّ حَتَّى تُنْفِقُوا مِمَّا تُحِبُّونَ وَمَا تُنْفِقُوا مِنْ شَيْءٍ فَإِنَّ اللَّهَ بِهِ عَلِيمٌ ﴿٩٢﴾

**Maksudnya:** *“Kamu tidak sekali-kali akan dapat mencapai (hakikat) kebajikan dan kebaktian (yang sempurna) sebelum kamu dermakan sebahagian dari apa yang kamu sayangi. Dan sesuatu apa jua yang kamu dermakan maka sesungguhnya Allah mengetahuinya”*.

**(QS ali Imran (3): 92)**

## **JAMAAH JUMAAT YANG DIHORMATI,**

Dalam sejarah dunia Islam, sebahagian besar ulama mengatakan bahawa yang pertama kali melaksanakan wakaf adalah baginda Rasulullah SAW sendiri. Baginda mewakafkan sebahagian tanah miliknya untuk membangunkan masjid. Manakala sahabat pertama yang meyambut seruan berwakaf ini adalah Umar Al-Khattab RA yang telah mewakafkan sebidang tanah di Khaibar dan manfaat hasil pengelolaan tanah tersebut telah diagihkan kepada orang-orang fakir, kaum kerabat, hamba sahaya, Ibnu Sabil dan lain-lain.

Begitu juga kisahnya dengan sahabat-sahabat Baginda yang lain seperti Abu Thalhah Al-Ansari yang mewakafkan kebun kesayangannya yang dinamakan Bairuha. Contoh lain seperti Abu Bakar yang mewakafkan sebidang tanah di Mekah, Uthman menyedekahkan hartanya di Khaibar, Ali bin Abi Talib mewakafkan tanahnya yang subur, Muaz bin Jabal mewakafkan rumahnya yang terkenal dengan gelaran Dar Al-Ansar, serta tidak ketinggalan kisah wakaf telaga Uthman bin Al-Affan yang sangat masyhur di Madinah.

## **HADIRIN YANG DIMULIAKAN OLEH ALLAH SWT,**

Institusi wakaf pada suatu ketika dahulu berfungsi dan berkembang sebagai salah satu faktor utama pembinaan sesebuah tamadun. Kejayaan wakaf era moden ini dapat dilihat dengan tertegaknya empayar Turki Uthmaniah. Peranannya sangat besar sehingga mampu menyediakan kemudahan



infrastruktur yang menyeluruh meliputi kemudahan awam dalam sektor sosial, pendidikan dan kesihatan.

Antara universiti terawal dari 140 buah universiti yang dibina menggunakan dana wakaf adalah Universiti Al-Qarawiyyin di Maghribi, Universiti Al-Azhar, Mesir dan Universiti Al-Fateh Turki. Kesemua universiti tersebut masih beroperasi sehingga kini dan melahirkan ribuan para ilmuan dari pelbagai disiplin ilmu.

Demikian juga wakaf dalam sektor kesihatan yang berkembang sejak kurun ke-9 masihi. Ia telah berfungsi memberi rawatan percuma kepada masyarakat antaranya Hospital Ibnu Tulun di Mesir dan Hospital Al-Mansuri di Cordova yang telah diwakafkan pada tahun 1284 Masihi.

Di Malaysia, institusi wakaf yang ada di setiap negeri dilihat berkembang dengan sangat drastik sejak merdeka lagi. Umat Islam semakin berminat untuk membantu dalam membangunkan peranan wakaf tersebut di negeri masing-masing. Statistik menunjukkan sejumlah 20,091 lot tanah dengan keluasan 27,392.53 hektar telah didaftarkan sebagai tanah wakaf di seluruh Malaysia.

Tanah-tanah tersebut telah diuruskan oleh Majlis Agama Islam Negeri sebagai Pemegang Amanah Tunggal hartanah wakaf dan dimanfaatkan bagi beberapa tujuan sosial, ekonomi, pendidikan serta kesihatan antaranya seperti pembinaan masjid, surau, tanah perkuburan, sekolah, madrasah tahfiz, rumah kebajikan, perpustakaan, balai cerap anak bulan, bazar perniagaan, klinik, hospital, rumah kos rendah, usaha tani, pusat komuniti Islam, hotel serta pelbagai jenis pembangunan yang dapat memanfaatkan

tanah wakaf tersebut sekaligus menyempurnakan hasrat para pewakaf untuk mendapat ganjaran pahala berterusan sehingga ke hari kiamat.

### **SIDANG JUMAAT YANG BERBAHAGIA,**

Enakmen Majlis Ugama Islam Sabah 2004, Seksyen 51 memperuntukkan bahawa:

*"Majlis hendaklah menjadi pemegang Amanah tunggal bagi semua wakaf, samada wakaf am atau wakaf khas, semua nazr am dan segala jenis Amanah yang mewujudkan apa-apa Amanah Khairat bagi menyokong dan memajukan agama Islam".*

Justeru, Majlis Ugama Islam Sabah (MUIS) melalui Bahagian Wakaf & Baitulmal sehingga kini telah mendaftarkan sejumlah 729 lot tanah wakaf dengan keluasan 1070.561 ekar hasil kesedaran umat Islam di Sabah menjadikan harta mereka sebagai sedekah jariyah.

Selain itu, MUIS pada tahun 2022 juga secara rasminya telah melancarkan Wakaf Tunai sebagai kaedah alternatif melaksanakan ibadah wakaf bagi mereka yang mempunyai hasrat untuk berwakaf namun tidak mempunyai harta yang berbentuk aset kekal seperti tanah dan bangunan. Hukum melaksanakan wakaf tunai tersebut adalah harus sepertimana yang telah ditetapkan oleh Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Malaysia kali ke-77 yang bersidang pada 10 April 2007.

Kaedah bagi melaksanakan wakaf tunai ini boleh dilakukan sama ada melalui tabung-tabung dan kios yang diletakkan di masjid-masjid terpilih, secara potongan gaji, atau melalui bayaran perbankan atas talian seperti

QR Code, Jompay dan Infaq Pay. Semoga dengan keterlibatan semua pihak dalam membantu membangunkan wakaf di negeri ini akan dapat meningkatkan syiar agama sekaligus menjadi pemangkin kepada mercu kegemilangan tamadun Islam suatu ketika dahulu.

### **HADIRIN SIDANG JUMAAT YANG DIKASIHI ALLAH SWT,**

Beberapa kesimpulan yang boleh dijadikan panduan buat kita semua adalah seperti berikut:

- Pertama** - Jadikan infaq dan sedekah termasuk wakaf sebagai amalan hidup yang berterusan kerana padanya hikmah serta manfaat yang sangat besar bukan sahaja kepada si pemberi malahan juga kepada yang menerima.
- Kedua** - Rasulullah SAW dan para sahabat serta generasi yang mengikuti jejak langkah mereka adalah sebagai *Qudwah Hasanah* yang sebaiknya dicontohi dalam berlumba-lumbanya mereka mengejar kebaikan dan pahala yang dijanjikan Allah SWT buat mereka yang rajin bersedekah mahupun berwakaf.
- Ketiga** - Manfaat wakaf tidak terhenti dengan perginya kita meninggalkan dunia, namun akan terus dinikmati oleh umat Islam yang akan menjadi penyumbang kepada kemajuan sosial dan ekonomi sesebuah negeri atau negara dan;
- Keempat** - Harta yang terbaik yang akan menjadi pelaburan saham kita di akhirat kelak bukanlah harta yang banyak kita miliki, namun sebaliknya adalah harta yang disedekahkan dan pahalanya



dapat menjadi pembela kita di hadapan Allah Azza Wa Jalla.

Firman Allah SWT dalam **surah al-Hajj, ayat 77:**

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا ارْكَعُوا وَاسْجُدُوا وَعَبُدُوا رَبَّكُمْ وَأَفْعَلُوا الْخَيْرَ لَعَلَّكُمْ

تُفْلِحُونَ ﴿٧٧﴾

**Maksudnya:** "Wahai orang-orang yang beriman, rukuklah serta sujudlah (mengerjakan sembahyang), dan beribadatlah kepada Tuhan kamu (dengan mentauhidkanNya), serta kerjakanlah amal-amal kebajikan; supaya kamu berjaya (di dunia dan di akhirat)."

(QS al-Hajj (22): 77)

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْءَانِ الْعَظِيمِ وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ

الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ

اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ

الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

## تيك س خطبة كدوا

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ النَّبِيِّ الْأُمِّيِّ، وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ الطَّاهِرِينَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَاعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ أَمْرُكُمْ بِأَمْرِ عَظِيمٍ، أَمْرُكُمْ بِالصَّلَاةِ وَالتَّسْلِيمِ عَلَى نَبِيِّهِ الْكَرِيمِ، فَقَالَ اللَّهُ تَعَالَى:

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مُجِيدٌ.

اللَّهُمَّ ارْضَ عَنِ الْخُلَفَاءِ الرَّاشِدِينَ وَعَنْ بَقِيَّةِ الصَّحَابَةِ وَالْقُرَابَةِ أَجْمَعِينَ وَعَنْ التَّابِعِينَ وَتَابِعِي التَّابِعِينَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ وَارْضَ عَنَّا مَعَهُمْ يَا أَكْرَمَ الْأَكْرَمِينَ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ. اللَّهُمَّ أَنْزِلِ الرَّحْمَةَ وَالْبَرَكَاتِ وَالْهُدَايَةَ وَالسَّلَامَةَ وَالسَّكِينَةَ وَالصِّحَّةَ الدَّائِمَةَ عَلَيْنَا وَعَلَى مَلِكِنَا كَبَاوَه دُولِي يَغْ مَهَا مَوْلِيَا سَرِي فَاذُوك بَكِينِدَا يَغْ دَفْرَتَوَانِ أَكُوغْ وَفَخَامَةَ الرَّيِّسِ الْأَعْلَى تَوَانِ يَغْ تَرَاوَتَامِ يَغْ دَفْرَتَوَانِ نَكْرِي سَابَه. وَاجْعَلِ اللَّهُمَّ هَذِهِ الْبَلَدَةَ وَسَائِرَ بِلَادِ الْمُسْلِمِينَ آمِنَةً مُطْمَئِنَّةً، إِنَّكَ رَعُوفٌ رَحِيمٌ.

اللَّهُمَّ ادْفَعْ عَنَّا الْبَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالْفَحْشَاءَ وَالْمُنْكَرَ وَالْمِحْنَ وَالْفِتْنَ، مَا ظَهَرَ مِنْهَا  
وَمَا بَطَّنَ، مِنْ بَلَدِنَا هَذَا خَاصَّةً، وَمِنْ بُلْدَانِ الْمُسْلِمِينَ عَامَّةً، إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ  
قَدِيرٌ.

Ya Allah! Naungilah kehidupan kami dengan kesejahteraan, keamanan, dan keselamatan serta kurniakanlah kepada kami rezeki yang halal lagi diberkati. Hiasilah diri kami dengan sifat-sifat terpuji dan jauhi kami dari sifat-sifat yang terkeji.

Ya Allah, Jadikanlah kami dan daripada keturunan kami orang-orang yang istiqamah mendirikan solat secara berjemaah, menunaikan zakat, berpuasa dalam bulan Ramadan, mengerjakan ibadah haji, mewakafkan harta dan berinfaq pada jalan yang Engkau redhai. Sesungguhnya hanya kepadaMu jua Ya Allah tempat Kami mengadu dan memohon pertolongan.

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.  
عِبَادَ اللَّهِ ،

إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَى وَيَنْهَى عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ  
وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ  
فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذُكُرْكُمْ، وَاشْكُرُوا عَلَى نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ  
يُعْطِيكُمْ وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.

\*\*\*\*

Disediakan dan diedar oleh:  
Bahagian Penyelidikan dan Sebaran Am  
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah

NOTA: Teks khutbah ini mengandungi potongan ayat-ayat al-Quran dan Hadis Rasulullah SAW. Mohon jaga dengan cermat dan tidak disepahkan.

Sebarang pertanyaan atau maklum balas, sila hubungi  
Unit Penerbitan, Bahagian Penyelidikan dan Sebaran Am  
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah  
Tel: 088-522142 / [jheains.penerbitan@gmail.com](mailto:jheains.penerbitan@gmail.com)